



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/05/19_35 (HQ)

TNB TINGKATKAN HALA TUJU KELESTARIAN MELALUI LADANG ANGIN LUAR PESISIR

Anak syarikat milik penuh **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, Vantage RE Ltd. (Vantage RE) meningkatkan portfolio tenaga boleh baharu (RE) TNB dan sasaran sifar bersih dengan pengambilalihan 49% kepentingan dalam syarikat ladang angin luar pesisir, Blyth Offshore Demonstrator Limited (BODL) daripada EDF Renewables (EDFR), anak syarikat kepada sebuah syarikat utiliti Perancis, Électricité de France (EDF).

Dimeterai pada 18 Oktober 2021, pengambilalihan itu menandakan kemasukan sulung TNB ke pasaran angin luar pesisir antarabangsa dengan BODL pada masa ini memiliki aset angin luar pesisir di luar pantai Blyth, Northumberland, England. Aset tersebut termasuk lima turbin dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 41.5MW (“Blyth 1”) dan hak pembangunan projek angin luar pesisir terapung sehingga 58.4MW (“Blyth 2”) yang terletak di luar pantai Northumberland.

Lima turbin 8.3MW Blyth 1 dipasang dengan teras berasaskan graviti, yang menggunakan beban konkrit untuk memastikan turbin berada di tempatnya dengan selamat tanpa menembusi dasar laut. Ladang angin itu telah beroperasi sejak 2017 di bawah skim subsidi Renewable Obligation Certificate (ROC) yang dijangka memberikan pulangan stabil. Blyth 2 pula merupakan projek angin luar pesisir terapung inovatif yang kini dalam peringkat awal pembangunan.

Pengambilalihan ini merupakan satu daripada pemerolehan strategik terancang untuk TNB mempercepatkan perjalanan melaksanakan visi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) globalnya. Tahun lalu, TNB mengumumkan Hala Tuju Kelestariannya, satu pelan tindakan dengan aspirasi mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Hala Tuju tersebut disokong komitmen TNB mengurangkan 35% intensiti pelepasan karbon serta 50% daripada kapasiti penjanaan arang batu menjelang 2035.

Vantage RE dilancarkan pada 1 Julai 2021 untuk memiliki, mengendalikan dan mengurus portfolio aset tenaga boleh baharu (RE) TNB di UK dan Eropah. Sehingga kini, ia telah mencapai portfolio RE sebanyak 530.4MW termasuk tenaga angin dalam dan luar pesisir serta ladang solar di negara tersebut.

Sehingga Disember 2021, TNB mempunyai jumlah kapasiti RE sebanyak 3,487.2 MW termasuk 2,771.4MW di Malaysia dan 715.8MW di seluruh UK, Turki dan India, dan menyasarkan peningkatan kapasiti RE-nya kepada 8,300MW menjelang 2025.

Kombinasi RE TNB dalam negara adalah termasuk hidroelektrik dan ladang Solar Berskala Besar (LSS). TNB juga menawarkan solusi melepasi kWh seperti solusi solar atas bumbung, audit tenaga, dan pasaran digital untuk sijil RE. Selain itu, TNB juga sedang mengkaji penggunaan teknologi baharu seperti sistem storan tenaga bagi meningkatkan fleksibiliti grid dan menangani isu kestabilan dalam RE.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 19 Mei 2022, jam 12:00 tengah hari

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433

atau emel kami: media@tnb.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan penglibatan antarabangsa di United Kingdom, Kuwait, Turki, Arab Saudi, Pakistan dan India. Dalam bidang tenaga boleh baharu, setakat 2021, TNB mempunyai portfolio sebanyak 2,771.4MW di Malaysia (termask 2,536.1MW hidro besar) dan 715.8MW di seluruh UK, Turki dan India terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro.

Mengenai EDF Renewables

EDF Renewables UK dan Ireland (www.edf-re.uk) merupakan sebahagian daripada salah satu syarikat elektrik terbesar dunia dengan pelaburan dan inovasinya adalah bagi mengurangkan kos kepada pengguna dan memberi manfaat pada komuniti. Dengan portfolio beroperasi merangkumi 37 lokasi tenaga boleh baharu termasuk tenaga angin dalam dan luar pesisir (berjumlah 1 GW), EDF Renewables menyediakan tenaga elektrik rendah karbon yang sangat diperlukan, pada kadar berpatutan. EDF Renewables memiliki rancangan memperluas portfolionya sehingga 5 GW dengan projek perancangan dan pembangunan, termasuk tenaga angin, bateri dan solar PV.



Sebuah kapal *jack-up* melakukan kerja-kerja penyenggaraan pada satu daripada daripada lima turbin angin luar pesisir Blyth 1 yang terletak di Blyth, Northumberland.



Ladang angin luar pesisir Blyth